

**NO. SOALAN:59**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN  
[ TEMERLOH ]**

**TARIKH : 16 JUN 2015**

**RUJUKAN : 7969**

**SOALAN:**

**Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [ Temerloh ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan faktor-faktor yang menyebabkan berlaku peningkatan 3.3 peratus kes kemalangan jalan raya pada suku pertama 2015.**

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Polis DiRaja Malaysia (PDRM) telah mendapati berlaku peningkatan kes kemalangan jalanraya seluruh negara pada suku tahun pertama 2015 (Januari - Mac) iaitu jumlah kemalangan 117,934 kes berbanding tempoh yang sama tahun 2014 sebanyak 114,115 kes. Pertambahan sebanyak 3,819 atau 3.3%. Butiran statistik kes kemalangan jalanraya secara terperinci adalah seperti berikut:-**

| KEMALANGAN    | 2014           | 2015           | BEZA         | PERATUS     |
|---------------|----------------|----------------|--------------|-------------|
| MAUT          | 1,512          | 1,557          | 45           | 3.0%        |
| PARAH         | 886            | 760            | -126         | -14.2%      |
| RINGAN        | 1,896          | 1,421          | -475         | -25.1%      |
| ROSAK         | 109,821        | 114,196        | 4,375        | 4.0%        |
| <b>JUMLAH</b> | <b>114,115</b> | <b>117,934</b> | <b>3,819</b> | <b>3.3%</b> |

**Hasil dari kajian yang dibuat, berlakunya peningkatan disebabkan faktor-faktor berikut:-**

**i) Pertambahan Kenderaan di Jalanraya**

**Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), jumlah kenderaan yang berdaftar di atas jalanraya pada tahun 2014 adalah sebanyak 25,101,192 buah. Manakala sehingga 31 Mac 2015 pula, jumlahnya adalah 25,448,611. Ini**

**menunjukkan kenderaan di jalan raya meningkat sebanyak 347,419 buah atau 1.38% dalam tempoh masa 3 bulan. Secara tidak langsung, dengan pertambahan kenderaan di atas jalanraya, risiko untuk berlakunya kemalangan jalanraya turut meningkat dari hari ke hari.**

**ii) Pertambahan Panjangnya Jalanraya**

**Dengan pembinaan lebuhraya baru, jalan persekutuan dan jalan-jalan negeri, jumlah rangkaian jalanraya adalah sepanjang 204,170 kilometer di seluruh negara. Faktor ini juga dikaitkan dengan pertambahan kepada kemalangan jalanraya memandangkan lebih panjangnya jalanraya, lebih banyak kemalangan akan berlaku.**

**iii) Faktor Cuaca**

**Keadaan cuaca yang tidak menentu boleh menyumbang kepada berlakunya kemalangan. Jalanraya yang basah dan licin berisiko besar kepada kenderaan terlibat dalam kemalangan jalanraya. Pemanduan di waktu hujan yang lebat juga boleh menghadkan pandangan pemandu dan boleh mengakibatkan kemalangan terjadi.**

#### **iv) Abaikan Faktor Keselamatan**

Dalam rekod polis, kes kemalangan jalanraya berlaku di jalan-jalan bandaran bagi tempoh suku tahun 2015, sebanyak 52,920 kes atau 44.9% daripada jumlah kemalangan keseluruhan sebanyak 117,934 kes. Aspek keselamatan di jalan berkenaan kurang diberi perhatian oleh pengguna seperti tidak memakai topi keledar, membawa penumpang melebihi had dan sebagainya. Keadaan ini agak berbeza bagi pemanduan di lebuhraya kerana pengguna mengutamakan keselamatan diri.

#### **v) Musim Perayaan Dan Cuti Panjang**

Sebagai sebuah negara yang berbilang kaum, negara kita mempunyai pelbagai perayaan yang disambut oleh setiap kaum sepanjang tahun. Adalah menjadi budaya dan harapan bagi penduduk menyambut perayaan berkenaan di samping keluarga di kampung halaman masing-masing. Secara tidak langsung, pergerakan kenderaan di waktu berkenaan akan bertambah secara mendadak. Di samping itu, negara kita juga mempunyai cuti yang panjang seperti cuti persekolahan atau cuti umum yang lain. Peluang ini akan diambil oleh semua untuk beriadah bersama keluarga, bercuti di pusat peranginan, pantai dan sebagainya. Dalam waktu begini, pergerakan kenderaan di atas jalanraya akan bertambah 3 kali ganda daripada pergerakan di hari-hari biasa. Peluang berlaku kemalangan di waktu ini amatlah tinggi.

## **vi) Kecuaian Manusia**

**Faktor ini menjadi ibu kepada segala sebab berlakunya kemalangan di jalanraya dan meyumbang kepada pertambahan bilangan kes kemalangan jalanraya. Faktor begitu sukar untuk diatasi kerana ianya lahir dari diri pemandu itu sendiri. Sikap tidak tolak ansur, memandu di lorong kecemasan, memandu terlampaui laju, memotong di kawasan yang merbahaya dan sebagainya menjadi sebab berlakunya kemalangan jalanraya. Seandainya sikap mementingkan diri dapat dikikis, adalah tidak mustahil kemalangan juga boleh dikurangkan.**

**PDRM tidak sama sekali berputus asa dan akan terus berusaha mendidik pengguna jalanraya agar mematuhi undang-undang dan peraturan jalanraya melalui pendekatan penguatkuasaan berhemah serta kolaborasi merentasi Kementerian. PDRM juga turut terlibat dalam proses menambahbaik isu-isu perundangan, kejuruteraan dan pendidikan. Matlamat akhirnya, wujudnya PDRM di atas jalanraya bukan sekadar untuk mengurangkan kemalangan jalanraya, tetapi dari sudut yang lebih holistik, peranan PDRM di jalanraya adalah untuk menentukan keselamatan dan kesejahteraan pengguna jalanraya.**